

**POLA PENERBITAN MOHD YAKUB @ ZULKIFLI MOHD YUSOFF: PROFESOR DALAM
BIDANG AL-QURAN DI AKADEMI PENGAJIAN ISLAM, UNIVERSITI MALAYA
(Pattern of Publication Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff: Professor in Quranic Studies
at the Academy of Islamic Studies, Universiti of Malaya)**

Oleh:
Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid*
Ainul Mardiah Ahmad Jahidi**

Abstrak

Artikel ini membincangkan pencapaian Profesor Dato' Dr Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff dalam penghasilan penerbitan ilmiah. Beliau adalah seorang profesor dalam bidang pengajian al-Quran di Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Pola penerbitan beliau dalam pelbagai bentuk seperti buku, jurnal dan lain-lain dibincangkan dalam artikel ini, begitu juga penggunaan bahasa serta bentuk kolaborasi beliau dengan tokoh penulis-penulis lain dalam menghasilkan karya ilmiah. Data-data kajian diambil dari pengkalan data UMExpert yang dikemaskinikan oleh beliau sendiri untuk pengetahuan umum dan penilaian pencapaian oleh pihak universiti. Beliau merupakan seorang profesor yang aktif dalam bidang penerbitan ilmiah dan menjadi contoh kepada ahli akademik lain khususnya dalam bidang pengajian Islam dan al-Quran.

Kata kunci: *Professor Dato' Dr Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff, penerbitan profesor, pola penerbitan.*

Abstract

This article discusses the achievements of Professor Dato' Dr Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff in scientific publications. He is a professor of Qur'anic studies at the Department of al-Quran and al-Hadith, Academy of Islamic Studies, University of Malaya. The pattern of his publications are in various forms such as books, journals, and others will be discussed in this article, as well as the usage of language and type of collaborations with other scholar in scientific publications. The data were extracted from UMExpert database that is updated by himself for public information and the university assessment. He is a good example professor especially in the field of Islamic studies. He is very active in the field of scientific publications.

Keywords: *Professor Dato' Dr Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff, Professor's publications, pattern of publications.*

Pendahuluan

Aktiviti penerbitan ilmiah merupakan salah satu kayu ukur keserjanaan seorang ahli akademik. Sumbangan ahli akademik dalam bidang penerbitan merencanakan lagi perkembangan ilmu pengetahuan khususnya dalam bidang kepakaran yang dikuasainya. Bilangan profesor yang terdapat di sesebuah universiti menggambarkan penguasaan ilmu pengetahuan di institusi berkenaan. Statistik penerbitan di UM sejak tahun 2010 hingga 2014 memperlihatkan perkembangan yang baik dari tahun ke tahun. Pada tahun 2010, jumlah penerbitan yang dihasilkan oleh para pensyarah UM adalah sebanyak 7694 buah dalam pelbagai bentuk penerbitan ilmiah, bilangan itu bertambah kepada 8654 buah pada tahun 2011, walaupun pertambahan bilangan penerbitan ilmiah pada tahun 2012 hanya 149 buah sahaja berbanding tahun sebelumnya, namun momentum penerbitan itu masih rancak iaitu sebanyak 8803 buah. Manakala pada tahun 2013, pertambahan bilangan penerbitan adalah besar iaitu sebanyak 9537 buah penerbitan. Pada tahun 2014, para pensyarah UM telah menghasilkan penerbitan ilmiah sebanyak 10232 buah dalam pelbagai bentuk.¹

Momentum penerbitan akademik bagi PTJ Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya selari dengan perkembangan penerbitan ilmiah di UM dalam tempoh 2010-2014. Walaupun graf berkembangannya agak

* Corresponding author: Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid, PhD, Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. E-mail: faisal@um.edu.my

** Ainul Mardiah Ahmad Jahidi, calon Sarjana Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

¹ Statistik penerbitan staff akademik UM di UMExpert tahun 2010-2014.

menguncup pada tahun 2014 berbanding dua tahun sebelumnya namun bilangannya masih besar. Penerbitan APIUM pada tahun 2010 adalah sebanyak 404 buah penerbitan, pada tahun 2011 sebanyak 567, dan bilangannya terus berkembang secara konsisten dengan 626 buah penerbitan pada tahun 2012 dan sebanyak 662 buah pada tahun 2013. Penguncupan sebanyak 105 buah penerbitan pada tahun 2014 telah berlaku berbanding dengan tahun 2013 di mana pada tahun itu hanya 557 buah sahaja yang berjaya diterbitkan.²

Keupayaan Akademi Pengajian Islam menghasilkan penerbitan ilmiah yang besar pada setiap tahun berpaksikan kepada keupayaan ahli akademiknya yang terdiri dari 4 orang profesor, 18 orang profesor madya dan 79 pensyarah dan pensyarah kanan serta calon di peringkat sarjana atau doktor falsafah.³ Keupayaan profesor di Akademi Pengajian Islam dalam menghasilkan karya ilmiah dalam bidang kepakaran masing-masing menjadi penanda aras kecemerlangan warga APIUM.

Artikel ini akan membincangkan penerbitan salah seorang profesor dalam bidang pengajian al-Quran di Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (APIUM). Beliau juga merangkap sebagai Pengarah APIUM sejak 2010 lagi dan hingga ke hari ini. Beliau bukan sahaja seorang profesor yang banyak menghasilkan penerbitan ilmiah, malah seorang ahli akademik yang aktif dalam pelbagai bidang dan banyak memberi sumbangan kepada masyarakat awam dan golongan ilmuwan. Ketokohan beliau amat dikagumi di dalam dan juga luar negara. Sepanjang penglibatan beliau dalam pentadbiran, beliau banyak mengurus organisasi akademik seperti Centre of Quranic Research (CQR) dan juga organisasi masyarakat seperti Nazir Masjid Tun Abdul Aziz, Petaling Jaya dan juga yayasana amal seperti Yayasan Semesta. Kejayaan yang dirangka oleh beliau menjadi dorongan untuk menganalisis bentuk sumbangan beliau dalam bidang penerbitan ilmiah sebagai satu ukuran pencapaian beliau dalam bidang kepakaran al-Quran dan ilmu pengetahuan.

Sorotan Kajian Lepas

Kajian mengenai pola penerbitan ahli akademik untuk mengukur produktiviti, trend dan bentuk penerbitan telah mula dilakukan oleh Jerome H. Schiele pada tahun 1991.⁴ Beliau telah membuat kajian terhadap produktiviti pola penerbitan tokoh akademik. Kajian beliau menggunakan kaedah analisis deskriptif. Beliau mengukur produktiviti berdasarkan enam pembolehubah dalam melihat pengaruhnya kepada jumlah penerbitan. Antara pembolehubah yang disenaraikan ialah (1) bekerja sebagai editor, (2) minat, (3) tempoh perkhidmatan, (4) jantina, (5) komitmen dalam penyelidikan dan (6) penjawatan. Pada tahun 2006, Sangam L. Srengcinz dan Kiran Savanur⁵ telah melakukan kajian terhadap penerbitan seorang profesor di Karnatak University, India. Beliau melakukan kajian secara biografi, bibliometrik dan scientometrik. Pengkaji ini telah menggunakan kajian dengan menjelaskan terlebih dahulu latar belakang Dr N. Rudraiah yang merupakan penyelidik dalam bidang matematik di Universiti Bangalore. Di dalam perbincangan penerbitan tersebut, beliau mengukur dari aspek pengaliran penerbitan dari tahun 1960 hingga 2005, aspek bilangan kepengkarangan, kolaborasi serta medium yang menjadi pilihan dalam menerbitkan bahan penerbitan.

Pada tahun 2006 juga, Susanta Koleya dan B. K. Sen⁶ membincangkan produktiviti secara individu menggunakan kaedah biobibliometrik terhadap Prof B. N. Koley yang meliputi sepanjang penglibatan beliau dalam aktiviti penyelidikan, penerbitan, pembentangan dan sumbangan-sumbangan lain. Dalam artikel Susanta Koleya dan B. K. Sen, mereka mengkaji jumlah penerbitan Koley dengan mengambil kira beberapa aspek dari segi kepengkarangan iaitu status dan corak kepengkarangan oleh Koley, jumlah penerbitan setiap 9 tahun, penyelidik kumpulan bersama dan tajuk-tajuk penulisan yang sering dijadikan penulisan oleh Koley sepanjang penerbitan beliau.

² *Ibid.*

³ Minit Mesyuarat APIUM, 29 Julai 2016. No. dokumen UM.I/PKK/513/2/1.

⁴ Jerome H. Scheile. "Publication Productivity of African-American Social Work Faculty", *Journal of Social Work Education*, vol. 27, no. 2 (1991), 125-134.

⁵ Sangam, S. L. and Savanur, Kiran P. Dr. N. Rudraiah: A Biobibliometric Study. *SRELS Journal of Information Management*, vol. 43, n. 2,(2006) 185-199

⁶ Susanta Koley dan B. K. Sen, "A Biobibliometric Study On Prof. B. N. Koley, An Eminent Physiologist", *Annals of Library and Information Studies*, vol. 53, (June 2006), 74 – 82.

Kajian yang dibuat di Pakistan, Mamoon Kousar dan Khalid Mahmood pada tahun 2010⁷ telah mengkaji salah seorang penulis prolific di perpustakaan di Pakistan. Beliau mengkaji mengenai penghasilan karya Dr Syed Jalaluddin Haedar dengan menjelaskan biografi tokoh yang merangkumi latar belakang pengajian, bidang kerjaya, penyertaan persidangan penerbitan serta penyelidikan dan sumbangan-sumbangan lain. Dari sudut penerbitan pula, beliau membahagikan keseluruhan penerbitan mengikut item sepanjang tahun 1968 hingga 2008 iaitu buku, artikel, penerbitan, dan lain-lain. Seterusnya, beliau mengkaji pemilihan bahasa penulisan ilmiah, corak kepengkangan, bilangan helaian, pemilihan jurnal terpilih dan penggunaan kata kunci sama ada hanya sekali atau berulang yang digunakan bagi mengetahui topik-topik yang sering menjadi pemilihan penulis. Kebanyakan kajian yang dibuat lebih tertumpu kepada tokoh sains tulen sama ada dalam bidang sains, matematik dan sebagainya.

Manakala kajian di Malaysia, hanya seorang penyelidik sahaja setakat ini yang membuat kajian mengenai penerbitan tokoh dalam bidang kemanusiaan. Kajian tersebut dilakukan oleh Tiew Wai Sin dengan tajuk “*Khoo Kay Kim, Professor of Malaysian History: A Biobibliometric Study*.”⁸ Dalam kajian ini, Tiew Wai Sin telah membentangkan analisis produktiviti penerbitan, corak penerbitan, saluran komunikasi, keutamaan jurnal dan pilihan bahasa Profesor Dato ' Khoo Kay Kim, Profesor Sejarah Malaysia di Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Kesimpulan kajian beliau menunjukkan bahawa tokoh yang dikaji dapat dijadikan contoh kepada ahli sejarah Malaysia masa depan untuk mencontohi beliau dalam pelbagai pencapaian khususnya dalam bidang penghasilan karya sejarah. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi melihat pola penerbitan tokoh akademik khususnya dalam bidang pengajian Islam yang mana sebelum ini belum pernah dilakukan terhadap mana-mana tokoh. Pemilihan profesor Dato' Dr Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff sebagai tokoh yang akan dikaji pola penerbitan beliau adalah sesuai sebagai satu kelangsungan daripada kajian sebelumnya dalam bidang kajian biobibliometrik. Objektif kajian ini adalah untuk mengukur pencapaian penerbitan tokoh dan mengetahui bentuk atau pola penerbitan beliau sepanjang tempoh yang dikaji. Perbincangan ini juga bertujuan menjelaskan bentuk kolaborasi yang wujud antara tokoh dengan penulis atau penyelidikan lain dalam penghasilan karya beliau dan sejauhmana beliau berkolaborasi dalam penghasilan karya dan medium bahasa yang dipilih oleh tokoh untuk menerbitkan karya beliau.

Metodologi Kajian

Untuk mendapatkan data-data kajian yang berkaitan dengan penerbitan tokoh, pangkalan data UMExpert digunakan kerana data yang terdapat di situ dianggap asli dan sah. Ia merupakan pangkalan data individu yang diselenggarakan sendiri oleh tokoh secara berkala dan digunakan oleh pihak Universiti Malaya (UM) untuk mengukur pencapaian akademik semasa bagi setiap staf. Dalam pangkalan data UMExpert, latar belakang peribadi tokoh, penerbitan ilmiah dalam pelbagai bentuk dimuat naik oleh beliau sendiri untuk memaparkan segala hasil kerja beliau setiap tahun.

Selain itu, semakan silang digunakan untuk mengesahkan penerbitan buku, artikel dalam jurnal, prosiding, tesis penyelidikan dan sebagainya dengan mendapatkan salinan *hardcopy* yang tersimpan di perpustakaan. Semakan untuk artikel yang diterbitkan secara *online* dilakukan menggunakan “*MyUniNet Portal-Malaysian University Libraries & National Library Network e-Resources*” yang menyediakan beberapa kemudahan seperti “*MyTO: Malaysian Theses Online*” untuk pencarian tesis berkaitan dengan tajuk penyelidikan, “*Malaysian Academic Library Union Catalog (MALcat)*” yang berfungsi mencari dan mengenalpasti maklumat di seluruh perpustakaan di Malaysia merangkumi buku, jurnal, e-book dan e-jurnal. Seterusnya “*Malaysia Academic Library Institution Repository (MALRep)*” berfungsi untuk pencarian dan mengenalpasti maklumat di seluruh perpustakaan IPT Repositori. Bagi penerbitan antarabangsa, maklumat diambil daripada pangkalan data *ABI/INFORM Complete @ProQuest*®, *Cambridge Books Online*, *Cambridge Journals Online (2011-2015)*, *Databib: Cataloging the World's Research Data Repositories*, *EBSCO Discovery Service*, *EBSCO e-Books*, *Emerald*, *ProQuest Education Journals*, *SpringerLink*, *Web of Science* dan beberapa pangkalan data yang lain.

⁷Mamoon Kousar dan Khalid Mahmood, “Khalid Dr. Syed Jalaludin Haider: a Bio-bibliometric Study”, *Pakistan Journal of Information Management and Libraries*, vol. 11.(2010), 1-10.

⁸ Tiew Wai Sin. 2013. “Khoo Kay Kim, Professor of Malaysian History: A Biobibliometric Study. *Malaysian Journal of Library and Information Science*, vol.4, no.2, Disember 1999. H.47-57.

Dalam menganalisis data, data-data yang diperolehi telah diproses dan dianalisis secara statistik berlandaskan *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 23.0. Ini kerana penganalisan data berstatistik menggunakan perisian pengaturcaraan SPSS dapat menghasilkan pengiraan yang tepat dan bebas daripada ralat. Seterusnya, data-data dianalisis menggunakan kaedah statistik secara deskriptif.

Statistik deskriptif digunakan dalam kajian ini adalah untuk mendapatkan data frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai yang menerangkan tentang penghujahan keputusan dapatan kajian, bertujuan untuk menjawab soalan-soalan kajian dan sekaligus mencapai objektif kajian yang digariskan. Seterusnya, data diringkaskan kepada Jadual Frekuensi dengan menggunakan pakai analisis deskriptif tersebut bagi mendapatkan gambaran taburan data. Antara yang dianalisis adalah, (1) bentuk penerbitan ilmiah. Bentuk-bentuk penerbitan ilmiah adalah buku, bab buku, artikel dalam jurnal, prosiding dan lain-lain penerbitan. Berdasarkan item tersebut, setiap satu dari persampelan dalam populasi ini, pengkaji telah menganalisis setiap bentuk penerbitan ilmiah yang telah dihasilkan sepanjang tempoh kajian. (2) Jumlah Kepengkarangan. Pengkaji telah membuat analisis secara deskriptif bilangan kepengkarangan dalam setiap penerbitan. Bilangan kepengkarangan ini terbahagi kepada 5 iaitu menulis secara seorang, dua orang, tiga orang, empat orang, lima orang dan lebih. Pemilihan kepengkarangan ini mempengaruhi jumlah penerbitan ilmiah yang dihasilkan. (3) Bahasa yang digunakan. Pemilihan penggunaan bahasa juga memberi pengaruh besar dalam penerbitan ilmiah. Terdapat tiga bahasa yang biasa digunakan oleh sampel iaitu bahasa Melayu, Inggeris dan Arab.

Biodata Dato' Profesor Dr Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff

Nama penuh beliau adalah Mohd Yakub @ Zulkifli bin Mohd Yusoff.⁹ Beliau dilahirkan pada 7 Ogos 1963 di Kampung Wakaf Tanjung, Mukim Mentuan, Kota Bharu, Kelantan. Melanjutkan pengajian dalam bidang Usuluddin di Universiti Malaya di peringkat Sarjana Muda pada tahun 1987. Kemudian menyambung pelajaran di peringkat Sarjana di University of Jordan pada tahun 1993. Seterusnya, melanjutkan pelajaran dalam bidang pengajian Islam di peringkat Ijazah Kedoktoran di Universiti of Wales, Lampeter, di United Kingdom pada tahun 2001. Beliau memulakan kerjaya akademik sebagai pembantu pengajar pada tahun 1989 dan menerima tawaran Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) pada tahun 1993 daripada Universiti Malaya. Pada tahun 1995 setelah mendapat ijazah sarjana beliau telah dilantik ke jawatan pensyarah 1995,¹⁰

Pada tahun 2001, setelah beliau mendapat PhD, beliau terus dilantik ke jawatan Profesor Madya.¹¹ Dengan pengiktirafan itu, beliau meneruskan usaha dalam penerbitan dan penyelidikan yang membolehkan beliau dilantik ke jawatan profesor pada tahun 2008.¹² Beliau kini merupakan salah seorang profesor di APIUM dalam bidang pengajian al-Quran, mewakili pengajian Usuluddin. Bidang kepakaran beliau adalah tafsir al-Quran, pengajian al-Quran, metodologi pengajian al-Quran.¹³ Beliau juga aktif dalam menjalankan kerja sosial dan kemasyarakatan.

Dalam aktiviti penyelidikan, beliau telah menyertai hampir 32 buah projek penyelidikan dengan mendapat beberapa penajaan.¹⁴ Bidang penyelidikan beliau meliputi pengajian al-Quran dan Hadis dalam teknologi dan sains, tokoh, persuratan dan sebagainya. Seiring dengan hasil penyelidikan yang dijalankan, beliau telah menghadiri lebih kurang 37 seminar sebagai penceramah ucapatama, penceramah jemputan dan pembentang kertas kerja di dalam dan luar negara. Beliau turut terlibat dalam persidangan di dalam dan luar negara, antaranya, Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA). Manakala, seminar luar negara pula ialah di Asian University Network (AUN) di Brunei, Western Cape University di South Africa dan beberapa buah negara lain. Dari aspek pentadbiran, beliau aktif memegang jawatan di peringkat universiti dan fakulti. Sehingga kini, beliau telah memegang hampir 20 jawatan

⁹ Prof Dato' Dr Yakub @ Zulkifli Yusoff, Laman sesawang umexpert dicapai pada 29 Disember 2015, <https://umexpert.um.edu.my/zulkifliyi>

¹⁰ *Buku Panduan Ijazah Dasar*. (1995). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. h. 85.

¹¹ *Panduan Ijazah Dasar*. (2001). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. h. 58.

¹² *Panduan Ijazah Dasar*. (2008). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. h. 80.

¹³ Antara subjek-subjek yang diajar adalah Metodologi Pengajian Usuluddin, Metodologi Penyelidikan, Karya-Karya Penulisan Al-Quran dan Tafsir Al-Quran serta beberapa subjek yang lain.

¹⁴ Antara tajaan yang diperolehi adalah University Malaya Research Grant (UMRG), Pjm-Ktp-Citra Community Projek, Postgraduate Research Fund (Ppp), Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), Short Term Research Fund, Science Fund dan MOHE/Fundamental Grant & Um Geran Khas.

pentadbiran bermula pada tahun 2011.¹⁵ Sepanjang perkhidmatan, beliau telah menerima banyak anugerah, antaranya aspek kerjaya, beliau telah menerima anugerah *Award for Excellent Service* (2002), (2004) dan (2006) serta beberapa buah anugerah dalam penyelidikan.¹⁶ Beliau juga terlibat aktif dalam memberikan khidmat profesional kepada komuniti dan masyarakat sama ada di institusi pendidikan atau lainnya.¹⁷

Penghasilan Penerbitan Ilmiah

Jadual 1.0: Trend Penerbitan Ilmiah Tahun 1996 – 2015

Jenis	Umur	Jawatan	Buku	Bab Buku	Artikel	Prosiding	Lain-Lain Penerbitan	Jumlah	Jumlah Kumulatif
1996	35	Pensyarah	1	0	0	0	0	1	1
1997	36		1	0	0	0	0	1	2
1998	37		0	0	0	0	0	0	2
1999	38		0	0	0	0	0	0	2
2000	39		0	0	0	0	0	0	2
2001	40	Prof. Madya	1	0	0	0	0	1	3
2002	41		0	0	0	0	0	0	3
2003	42		3	1	2	0	0	6	9
2004	43		1	0	0	2	0	4	13
2005	44		1	0	2	1	0	4	17
2006	45		0	0	3	4	1	5	22
2007	46		6	0	4	1	6	13	35
2008	47	Profesor	1	0	4	6	1	13	48
2009	48		2	4	5	2	0	12	60
2010	49		4	2	5	3	1	15	75
2011	50		5	0	10	13	0	27	102
2012	51		3	2	17	37	0	58	160
2013	52		1	1	31	20	0	40	200
2014	53		1	1	14	3	0	14	214
2015	54		2	1	5	2	0	9	223
Jumlah			33	12	75	94	9	223	


¹⁵ Rujuk Um expert 2015. Pada peringkat Universiti, antara jawatan yang disandang adalah sebagai Panel di Syeksen Mengurus Jaminan UM (2006), Gred Khas Tertinggi Turus (Profesor Ulung) UM (2012), Ketua di Pusat Penyelidikan al-Quran (CQR) (2014). Di APIUM, beliau telah menyandang sebagai Pengurus Kualiti APIUM (2006-2007), Timbalan Timbalan Pengarah APIUM (2011-2014), Ahli Jawatankuasa Pemilih Kenaikan Pangkat atau Perlantikan ke Jawatan Pengarah APIUM (2014-2016) dan beberapa jawatan lain.

¹⁶ Pencapaian dalam penyelidikan pula, beliau menerima anugerah khas dalam *Ayisi Innovation Award-Association of Young Innovative Scientist Indonesia* (2012), *Silver Medal "Quranic Ontology for Juzu' Amma"* dalam Expo Inovasi Islam (2011), *Silver Medal "Jawi Character Learning Tool"* (2009), *Silver Medal "al-Quran Visualization"* (2005), *Gold Medal "Hardware Design of on-line Jawi Character Recognition Chip Using Discrete Wavelet Transform"* (2007), *Gold Medal "Typography for Hancode al-Quran"* (2012), *Gold Medal "Jawi Character Recognition Tools (E-Jawi)"* (2008), *Gold Medal "Effective Learning Using Jawi Character Speech-To-Text Engine for Education"* (2010) dan *Gold Medal "Effective Learning of Quranic verse Recitation Using Automated Tajmeed Checking Rules Educational Tools"* (2009).

¹⁷ Antaranya, beliau pernah menjadi profesor jempunan *Faculty of Syariah* (2006), *The Islamic Academy, Cambridge United Kingdom* (2008) dan Department Agama, Lain Raden Intan Lampung Indonesia (2011-2012). Selain itu, di peringkat masyarakat pula terlibat sebagai penceramah, ahli jawatankuasa pelaksana dan fasilitator dalam pelbagai seminar, bengkel, persatuan dan sebagainya yang dianjurkan oleh masyarakat setempat.

%			15	6	34	41	4	100	
---	--	--	----	---	----	----	---	-----	--

Sumber: Pangkalan Data UMExpert, 2015



Sumber: Pangkalan Data UMExpert, 2015

Jadual 1.0 dan rajah 1.1 di atas menunjukkan jumlah keseluruhan penerbitan ilmiah Prof Dato’ Dr Mohd Yakub @ Zulkifli bin Mohd Yusof sepanjang tahun 1996 hingga 2015. Beliau telah menghasilkan penerbitan ilmiah secara aktif seiring dengan tempoh perkhidmatan beliau selama 15 tahun. Beliau antara penyumbang terbesar dalam dunia ilmu, dibuktikan melalui penghasilan sebanyak 227 buah penerbitan. Daripada keseluruhan penerbitan ini, terdapat 33 buah buku (15%), 12 buah bab buku (6%), 75 buah artikel (34%), 94 makalah prosiding (41%) dan 9 lain-lain penerbitan (4%). Beliau telah memberikan komitmen tinggi dalam penulisan dalam tempoh umur 42 tahun hingga 54 tahun. Di antara umur tersebut, jumlah tertinggi penerbitan beliau ialah pada tahun 2012 (berumur 51 tahun) dengan menjangkau 58 buah penerbitan (26%). Pada ketika ini beliau sedang menjawat jawatan Pengarah APIUM. Kesibukan beliau menjadi Pengarah APIUM tidak mengganggu beliau dalam menghasilkan penulisan ilmiah.


1) Buku



Sumber: Pangkalan Data Um Expert, 2015

Rajah 1.2 di atas menunjukkan corak perkembangan penghasilan buku dari tahun 1996 hingga 2015. Jumlah keseluruhan penerbitan buku sepanjang 20 tahun ini, beliau telah menerbitkan sebanyak 33 buah buku (15%). Penerbitan tertinggi pada tahun 2007 sebanyak 6 buah buku (18%). Antara tajuk buku yang dihasilkan pada tahun tersebut adalah Kunci Mengetahui Al-Qur`an (1996), Tafsir Ayat-Ayat Ahkam (1997), Tafsir Al-Munir Juz Amma (2001), Biografi Muhammad bin Abdullah (2003) dan beberapa judul buku yang lain. Manakala, paling rendah adalah sebanyak sebuah buku (3%) pada tahun 1996, 1997, 2001, 2004, 2005, 2008, 2014 dan 2015. Nilai purata bagi keseluruhan adalah 2 buah buku.


2) Bab Dalam Buku



Sumber: Pangkalan Data UMEExpert, 2015

Rajah 1.3 di atas menunjukkan taburan bilangan penerbitan bab buku bagi tahun 1996 hingga 2015. Jumlah keseluruhan penerbitan buku adalah sebanyak 12 buah bab buku (6%). Penghasilan paling tinggi iaitu 4 buah bab buku bagi tahun 2009. Selebihnya, 2 bab buku (2010 dan 2012), dan sebuah bab buku (2003, 2013, 2014 dan 2015). Antara tajuk buku yang dihasilkan adalah al-Quran Sumber Peradaban Hidup: Suatu Sorotan Pandangan Sonhadji (2003), Penulisan Tafsir Al-Quran di Majalah-majalah Malaysia: Satu Tinjauan dari Aspek Metodologi (2009), Sejarah Penulisan Ilmu Qiraat di Peringkat Awal dan Pendekatannya dalam Khazanah Intelektual Islam (2010), Menguak Historiografi Pengajian Al- Quran di Sabah: Suatu Tinjauan Awal (2012) dan beberapa tajuk berbentuk bab buku yang lain.


3) Artikel Dalam Jurnal



Sumber: Pangkalan Data Um Expert, 2015

Rajah 1.4 di atas menunjukkan taburan bilangan penerbitan artikel bermula pada tahun 2003 hingga 2015 adalah sebanyak 75 buah artikel (34%). Penghasilan paling tinggi iaitu 18 buah artikel pada tahun 2013. Selebihnya, 16 buah artikel (2012), 9 buah artikel (2011 dan 2014), 5 buah artikel (2008 dan 2010), 4 buah artikel (2009 dan 2015), 2 buah artikel (2003 dan 2005), dan satu artikel (2004). Berdasarkan graf di atas menunjukkan data dilihat meningkat dari tahun 2003 hingga 2012, kemudian menurun secara berperingkat atas faktor-faktor tertentu. Antara tajuk artikel yang dihasilkan adalah “Tafsir Mawdu’i: Kajian Pensejarahan” (2003), “Biografi Haji Muhammad Said dan Sejarah Penulisan Tafsir Nur al-Ehsan” (2005), “Analisis Kuantitatif Perkataan-perkataan dalam Surah al-Mua wizat” (2006) dan beberapa tajuk artikel yang lain.


4) Prosiding



Sumber: Pangkalan Data UMExpert, 2015

Rajah 1.5 di atas menunjukkan taburan bilangan penerbitan makalah prosiding bermula tahun 2004 hingga 2015. Jumlah keseluruhan penerbitan buku adalah sebanyak 94 buah makalah prosiding (41%).¹⁸ artikel. Penghasilan paling tinggi iaitu 37 buah makalah bagi tahun 2012. Selebihnya, 20 buah makalah (2013), 13 buah makalah (2011), 6 buah makalah (2008), 4 buah makalah (2006) 3 buah makalah (2010 dan 2014), 2 buah makalah (2004 dan 2015) dan hanya satu buah makalah (2005 dan 2007). Berdasarkan graf menunjukkan data dilihat meningkat dari tahun 2004 hingga 2012, kemudian menurun secara berperingkat atas faktor-faktor tertentu. Antara tajuk makalah prosiding adalah “*Issues in the field of Neurosciences and its Islamic perspective*” (2003), “Pengurusan Masjid di bawah Wahyu: Analisa Terhadap Ayat-Ayak dan Hadith-Hadith Pilihan” (2004), “Pendidikan al-Quran dan Tafsir: Kajian Terhadap Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA)” (2005), “Masyarakat Melayu dan Industri Makanan Halal” (2006) dan beberapa makalah prosiding yang lain.

5) Lain-lain Penerbitan



Sumber: Pangkalan Data UMExpert, 2015

Rajah 1.6 di atas menunjukkan taburan bilangan bagi lain-lain penerbitan meliputi tahun 2006 hingga 2008. Jumlah keseluruhan penerbitan buku adalah sebanyak 9 buah penulisan bagi lain-lain penerbitan (6%). Penghasilan paling tinggi iaitu 6 penerbitan pada tahun 2007. Selebihnya hanya satu bagi 2006, 2008 dan 2010. Lain-lain penerbitan merangkumi beberapa penulisan di majalah seperti Budiman Universiti Malaya, Amman al-Forqan Magazine dan penerbitan menerusi laman sesawang.

¹⁸ Rujuk halaman 2

Bilangan Kepengkarangan

Jadual 2.0: Bilangan Kepengkarangan Sepanjang Tahun 1996 – 2015

Bilangan Penulis	1996	1999	2002	2005	2008	2011	2014	Jumlah	%
	1998	2001	2004	2007	2010	2013	2015		
1	2	0	6	8	7	2	0	25	11
2	0	0	2	12	17	54	8	93	42
3	0	0	2	4	3	25	3	37	17
4	0	0	0	1	3	17	1	22	10
5 dan lebih	0	1	0	0	10	22	13	46	21
	2	1	10	25	40	120	25	223	100

Sumber: *Pangkalan Data Um Expert, 2015*

Jadual 2.0 di atas menunjukkan statistik bagi bilangan kepengkarangan sepanjang tahun 1996 hingga 2015. Berdasarkan data di atas, bilangan tertinggi merupakan hasil daripada dua penulis iaitu 93 buah penerbitan (43%). Diikuti dengan 46 buah penerbitan hasil lima penulis (20%) atau lebih, 37 buah penerbitan (16%) dihasilkan dari tiga penulis, 29 buah penerbitan (13%) dihasilkan secara perseorangan dan 22 buah penulisan (10%) hasil dari empat orang penulis. Ini menunjukkan bahawa beliau lebih gemar menghasilkan bahan penulisan secara dua penulis berbanding dengan bilangan penulis yang lain.

1) Bahasa

Jadual 3.0: Bahasa dalam Penerbitan Tahun 1996 – 2015

Bahasa	Buku	Bab Buku	Artikel	Proiding	Lain-Lain Penerbitan	Jumlah	%	AV
Melayu	31	12	23	64	9	139	62%	28
Inggeris	1	0	50	29	0	80	36%	16
Arab	1	0	2	1	0	4	2%	1
Jumlah	33	12	75	94	9	223		
	15%	5%	34%	42%	4%			

Sumber: *Pangkalan Data UMEExpert, 2015*

Jadual 3.0 di atas menunjukkan lebih daripada separuh, iaitu 63% penerbitan ilmiah yang dihasilkan menggunakan bahasa Melayu secara keseluruhannya sepanjang tahun 1996 hingga 2015, berbanding penggunaan bahasa Inggeris sebanyak 25% dan bahasa Arab sebanyak 2%. Daripada jumlah 63% bahasa Melayu dalam penerbitan ilmiah ini, ia meliputi 31 buah buku, 14 bab dalam buku, 25 buah artikel, 64 prosiding dan 9 lain-lain penerbitan. Ini diikuti 35% berbahasa Inggeris, iaitu sebuah buku, 50 buah artikel dalam jurnal dan 29 prosiding. Seterusnya, dalam pemilihan bahasa Arab, sebanyak 4 buah penerbitan (2%) dihasilkan iaitu 2 buah artikel dan 1 prosiding.

Perbincangan

Daripada data-data yang dipaparkan di atas, memperlihatkan pencapaian Profesor Dato' Dr Zulkifli Yusoff dalam penerbitan ilmiah amat memberangsangkan. Penerbitan ilmiah beliau bermula pada tahun 1996, iaitu pada tahun awal perjawatan beliau sebagai pensyarah di APIUM, ketika itu beliau berusia 35 tahun. Graf penerbitan beliau mula memuncak sekitar tahun 2008 hingga tahun 2012, ketika itu beliau bukan sahaja seorang profesor malah turut juga menjawat jawatan Pengarah APIUM dan Pengarah CQR. Meskipun sibuk tugas-tugas pentadbiran, beliau masih mampu untuk menulis dan menghasilkan karya ilmiah sebagaimana dalam Jadual 1.0.

Penerbitan beliau tidak tertumpu pada satu-satu medium penerbitan, malah mencakupi semua medium iaitu artikel, bab dalam buku, buku, prosiding dan lain-lain medium. Beliau dilihat lebih konsisten dalam menerbitkan buku, di mana hampir setiap tahun beliau menghasilkan beberapa buah buku sejak tahun 1996 hingga tahun 2015. Hanya pada tahun 1998, 1999, 2000, 2002 dan 2006 sahaja tiada buku yang dihasilkan. Manakala penerbitan dalam bentuk artikel prosiding seminar bermula pada tahun 2004 dan berterusan hingga 2015. Berbeza pula dengan penerbitan dalam bentuk bab dalam buku, ianya agak lewat iaitu bermula pada tahun 2009 dengan penerbitan empat bab dalam buku dan berterusan hingga tahun 2015.

Walaupun penerbitan beliau dalam bentuk artikel jurnal lebih awal berbanding penerbitan dalam bentuk bab dalam buku, iaitu bermula pada tahun 2003, namun beliau tidak menghasilkan penerbitan dalam bentuk artikel jurnal pada tahun 2006 dan 2007. Penerbitan artikel jurnal dan prosiding seminar mula kembali aktif pada tahun 2008 di mana terdapat lima buah artikel telah diterbitkan dalam jurnal dan enam buah artikel dalam prosiding seminar. Pada tahun tersebut beliau mula dilantik ke jawatan profesor.

Penerbitan beliau dalam kedua-dua medium itu, jurnal dan prosiding seminar memuncak sekitar tahun 2011-2013. Pada tahun 2013, sebanyak 18 buah artikel jurnal tulisan beliau telah diterbitkan, manakala pada tahun 2012 sebanyak 37 buah artikel prosiding beliau telah diterbitkan dalam pelbagai prosiding seminar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Profesor Dato' Dr Zulkifli Yusoff juga menerbitkan tulisan dalam medium penerbitan lain seperti majalah dan lawan sesawang. Namun bilangannya amat kecil iaitu hanya lapan buah tulisan yang diterbitkan sekitar tahun 2006 hingga 2008 dan 2010. Setelah itu beliau tidak lagi menulis dalam medium penerbitan umum.

Dari aspek kepengarangan pula, Profesor Dato' Dr Zulkifli Yusoff dilihat lebih gemar menulis secara berkolaborasi berbanding secara berseorangan. Daripada 223 penerbitan beliau, hanya 25 buah artikel ditulis secara bersendirian iaitu sebanyak 11%. Selebihnya penerbitan beliau dilakukan secara kolaborasi antara beliau dengan para pensyarah atau dengan penyelidik dalam satu-satu projek penyelidikan yang diketuai oleh beliau. Namun begitu, tulisan beliau banyak dihasilkan secara kolaborasi antara dua orang penulis berbanding dengan tiga orang atau lebih iaitu sebanyak 93 buah artikel (42%). Model penulisan atau penghasilan karya ilmiah secara kolaborasi dilihat lebih efektif berbanding menulis secara sendiri kerana skop kajian lebih meluas dan memerlukan gabungan antara pelbagai disiplin ilmu.

Penghasilan karya Profesor Dato' Dr Zulkifli Yusoff dari aspek bahasa pula terdapat dalam tiga bahasa utama. Latar belakang pendidikan beliau yang mendapat pengalaman belajar di Malaysia, Jordan dan England telah memberikan kelebihan kepada beliau untuk menulis dalam tiga bahasa utama iaitu Melayu, Inggeris dan Arab. Walaupun penerbitan beliau dalam bahasa Arab agak kecil bilangannya iaitu sebanyak 4 buah artikel sahaja. Ini mungkin disebabkan oleh penerbitan dalam bahasa Inggeris lebih diutamakan khususnya penerbitan dalam jurnal-jurnal berwasit di peringkat antarabangsa.

Kesimpulan

Masih terdapat ramai profesor dalam bidang pengajian Islam yang belum dikaji mengenai sumbangan dan peranan mereka dalam pelbagai aspek termasuklah aspek penerbitan ilmiah. Seperti yang dinyatakan dalam sorotan kajian lepas di atas, kajian mengenai sumbangan penerbitan ilmiah tokoh akademik dalam bidang pengajian kemanusiaan amat kurang, apatah lagi dalam bidang pengajian Islam. Perbincangan mengenai tokoh akademik seperti Profesor Dato' Dr Zulkifli Yusoff dengan menggunakan analisis bibliometrik merupakan satu usaha awal untuk mengukur sumbangan profesor dalam bidang pengajian Islam dan bidang sains kemanusiaan secara umumnya. Disarankan kepada penulis-penulis lain agar melakukan kajian dan menganalisis sumbangan profesor-profesor lain dalam bidang pengajian Islam sama ada yang bertugas di universiti awam atau swasta tempatan dan juga antarabangsa. Dengan kajian

yang meluas tersebut diharapkan dapat diketahui bentuk sumbangan dan kolaborasi yang wujud di antara pakar di pelbagai universiti.

Penghargaan: Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Profesor Dato' Dr Zulkifli Yusoff yang sudi ditemuramah dan menyemak artikel ini sebelum diterbitkan.

Rujukan

Buku Panduan Ijazah Dasar. (1995). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. h. 85.

Jerome H. Scheile. "Publication Produktivity of African-American Social Work Faculty", *Journal of Social Work Education*, vol. 27, no. 2 (1991), 125-134.

Mamoona Kousar dan Khalid Mahmood, "Khalid Dr. Syed Jalaludin Haider: a Bio-bibliometric Study", *Pakistan Journal of Information Management and Libraries*, vol. 11.(2010), 1-10.

Minit Mesyuarat APIUM, 29 Julai 2016. No. dokumen UM.I/PKK/513/2/1.

Panduan Ijazah Dasar. (2001). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. h. 58.

Panduan Ijazah Dasar. (2008). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. h. 80.

Prof Dato' Dr Yakub @ Zulkifli Yusoff, Laman sesawang umexpert dicapai pada 29 Disember 2015, <https://umexpert.um.edu.my/zulkifli>

Sangam, S. L. and Savanur, Kiran P. Dr. N. Rudraiah: A Biobibliometric Study. *SRELS Journal of Information Management*, vol. 43, n. 2,(2006) 185-199

Statistik penerbitan staff akademik UM di UMExpert tahun 2010-2014.

Susanta Koley dan B. K. Sen, "A Biobibliometric Study On Prof. B. N. Koley, An Eminent Physiologist", *Annals of Library and Information Studies*, vol. 53, (June 2006), 74 – 82.

Tiew Wai Sin. 2013. "Khoo Kay Kim, Professor Of Malaysian History: A Biobibliometric Study. *Malaysian Journal of Library and Information Science*, vol.4, no.2, Disember 1999. H.47-57.